



- Merupakan satu senarai baki-baki akaun yang diambil daripada lejar am, lejar subsidiari dan Buku Tunai pada suatu tempoh tertentu.
- Fungsi Imbangan Duga untuk;
 - Menyemak ketepatan kemasukan catatan bergu
 - Menguji ketepatan pengiraan
 - Memudahkan penyediaan Akaun Perdagangan, Akaun Untung Rugi dan Kunci Kira-kira
- Jumlah di sebelah debit mesti sama dengan jumlah di sebelah kredit.
- Mempunyai batasan atau had.

(Imbangan Duga yang seimbang tidak bererti semua catatan dalam lejar betul kerana mungkin terdapat beberapa kesilapan yang ketara atau tidak ketara dalam Imbangan Duga tersebut)

PENYEDIAAN IMBANGAN DUGA

Penyediaan Imbangan Duga dalam Bentuk Lajur

Nama Perniagaan
Imbangan Duga pada

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Aset	XX	
Akaun Belanja	XX	
Akaun Modal		XX
Akaun Liabiliti		XX
Akaun Hasil		XX
	XXX	XXX

Nota Tambahan

TP1 Menyatakan fungsi Imbangan Duga.

TP2 Menerangkan maksud inventori, sistem inventori berkala dan sistem inventori berterusan.

TP3 Menyediakan kad inventori.

TP4 Menentukan dan merekod inventori akhir dalam Jurnal Am dan lejar.

Menyatakan hubungan Imbangan Duga dan inventori akhir dalam penyediaan Penyata Kewangan.

TP5 Menyediakan Imbangan Duga dengan memindahkan baki Buku Tunai, Buku Tunai Runcit dan lejar secara manual.

Menerangkan keperluan dalam menentukan nilai inventori akhir untuk penyediaan Penyata Pendapatan.

TP6 Menyediakan Imbangan Duga mengikut proses Kitaran Perakaunan bermula daripada Dokumen Sumber menggunakan aplikasi TMK.

Memberikan contoh situasi kesilapan yang mana Imbangan Duga masih seimbang.